

12/08/2003

Sukan alat penyatuan paling berkesan

Abd Bashid Harun

SELAIN membangunkan kemudahan dan prasarana terancang, kerajaan pada era Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut memberikan perhatian kepada sukan.

Dr Mahathir tidak meminati golf, tetapi selepas memikirkan keuntungan pembinaan padang dan prasarana golf, beliau turut menggalakkannya sehingga dikatakan pada zamannya padang golf dibangunkan bagi cendawan tumbuh.

Kejayaan kita menganjurkan Sukan Komanwel kali ke-16 - kejohanan bertaraf dunia yang kedua terbesar membuktikan kemampuan Malaysia dalam bidang ini.

Selepas itu satu demi satu penganjuran sukan berlangsung di Malaysia. Contohnya, kita beberapa kali menganjurkan Formula Satu di Litar Sepang, sesuatu yang tidak pernah dibayangkan sebelum ini.

Semangat Malaysia Boleh disemarakkan lagi dengan pencapaian Malaysia pada beberapa acara sukan mutakhir seperti skuasy.

Kalau selama ini ada masyarakat tidak ambil tahu perihal sukan, kini mereka mula tertarik dengan bidang yang dapat mencerikan dan menggembirakan seseorang.

Sukan adalah tajuk yang selamat untuk dibualkan.

Kemungkinan anda tidak berminat dengan sukan sebelum ini, tetapi apabila mengetahui yang sedang bertanding pada perlawanan akhir itu membabitkan peserta Malaysia, anda tiba-tiba saja berubah.

Seluruh perasaan anda dikirinkan kepada peserta itu. Anda mula meletakkan harapan agar peserta Malaysia menang. Anda menonton perlawanan dengan penuh debaran dan takut peserta itu kalah.

Sesekali anda membentak jika peserta gagal mempamerkan persembahan meyakinkan. Anda melakukan semua ini untuk peserta itu bukan untuk tujuan lain.

Anda tidak ada kepentingan dengan ahli sukan itu. Tetapi dalam sukan hubungan hati ke hati tetap terjalin walaupun kita tidak saling mengenali.

Apa yang anda harapkan ialah peserta Malaysia menang. Anda tidak perlu ambil tahu apakah pendirian politik atau agama peserta. Yang penting dia seperti anda, dari satu negara - Malaysia.

Anda sanggup melupakan sebentar pendirian politik anda, begitu juga perbezaan bangsa dan agama. Ini hanya boleh dilakukan melalui sukan. Inilah makna di sebalik sukan yang kita selalu anjurkan. Inilah keceriaan sukan, yang sukar diperoleh pada acara lain.

Sebab itu formula penyatuan melalui sukan seperti dilaungkan kerajaan memang ada kewajarannya dan perlu diteruskan.

Semangat Malaysia Boleh dimanfaatkan dalam sukan. Kalau dulu kita hanya ada satu tumpuan dalam sukan iaitu mengejar pingat, tetapi kini kita juga mencari peluang untuk menganjurkan sukan.

Kita melihat sukan sebagai perniagaan yang menguntungkan. Sebab itu sukan pada era Dr Mahathir naik setapak lagi dengan memberi tumpuan penyediaan peralatan dan gelanggang sukan bertaraf dunia serta penganjuran sukan antarabangsa.

Mengapa sukan diberikan tumpuan? Sebabnya sukan mengajar kita mengejar kemenangan, tetapi sebelum kemenangan dicapai, kita harus bekerja keras untuk mendapatkannya.

Dalam sukan tidak ada situasi menang-menang seperti dalam organisasi. Apa yang ada ialah aku mesti kalahkan orang lain. Maknanya aku mesti menang dan yang lain kalah.

Kita berlari, melontar dan melompat untuk menang. Tidak ada ahli sukan

yang melakukan semua ini untuk kalah.

Melalui acara sukan juga seseorang dilatih meletakkan matlamat tertentu. Matlamat itu mesti jelas, boleh dicapai dan realistik. Ini digambarkan melalui garisan penyudah yang ingin dicapai secepat dan sepantas mungkin oleh pelari.

Dalam kebanyakan acara sukan memerlukan seseorang berlari seperti dalam perlawanan bola sepak. Berlari melambangkan kepantasan dan kekuatan.

Untuk mengejar sesuatu kita mesti cepat atau pantas. Jika tidak, orang lain akan mencapainya. Kita tidak boleh berjalan ketika orang lain berlari. Apabila kita berlari kita mesti berlari sepantas yang mungkin jika tidak, kita akan ketinggalan.

Keadaan ini boleh diterjemahkan dalam kehidupan moden yang memerlukan kita bergerak pantas. Ketika semua orang berlari mengejar kemajuan, kita kena berlari. Jika kita berjalan, kita akan ketinggalan.

Apabila kita gagal mengejar orang tidak perlu kita menjerit kepada orang itu, "tunggu aku". Kita yang mesti mengejar mereka yang seolah-olah menjerit ke arah kita "kejarlah aku". Maksudnya kita tidak perlu menanggungkan atau menghentikan perjalanan sesiapa, semata-mata untuk membenarkan orang di belakang bersaing atau memotong kita.

Apa yang Malaysia lakukan ialah menyediakan laluan yang lurus dan terbaik untuk mereka sambil memberikan kelengkapan secukupnya untuk larian ini, sambil memberikan nasihat kepada orang di depan jangan tutup jalan atau melalui jalan lain yang tidak disahkan.

Tetapi masalahnya, sebahagian kita bukan saja tidak berlari, berjalan pun tidak. Maksudnya tidak berbuat apa-apa pun. Mereka inilah nanti yang ketinggalan menjelang 2020.

Ketika orang lain menuai hasil, orang ini tetap seperti itu juga. Jangan sampai kita jadi seperti itu.

ABD BASHID HARUN,
Institut Pengetua Universiti Malaya,